

Mengimbau kembali tempoh selama setahun lalu, kami berasa gembira kerana warga Khazanah terlibat secara lebih kerap dalam aktiviti penglibatan dan pembelajaran meskipun ketika itu, kami mengadakan pengaturan kerja yang fleksibel. Melangkah ke hadapan, kadar penyertaan yang tinggi membolehkan kami mengukuhkan kemahiran kepemimpinan dan prestasi mereka dalam menghayati Nilai Teras kami dan, akhirnya, bersama-sama *Memajukan Malaysia*.

## **Khazanah Careline**

Sejajar dengan Nilai Teras kami, sokongan diberikan kepada warga kami ketika tempoh-tempoh sukar. Bagi tujuan ini, Khazanah Careline menawarkan sokongan kepada kakitangan dan keluarga mereka dengan akses 24 jam sehari dan tujuh hari seminggu. Talian hotline ini dilengkapkan dengan aplikasi dalam talian iaitu KITAsihat bagi menyediakan sokongan meluas merentasi topik kesihatan dan kesejahteraan fizikal dan mental.

## **Berbudi Bersama**



Kepercayaan terhadap amalan berbuat baik menjadi inspirasi kepada Berbudi Bersama, inisiatif dalaman yang menggalakkan kakitangan kami untuk mendekati komuniti setempat, menyokong usaha-usaha bermakna dan menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan. Berbudi Bersama menjadi inisiatif dalaman yang menggalakkan kakitangan kami mendekati komuniti setempat untuk menyokong dan membantu mereka yang memerlukan.



► Sukarelawan KVN menyertai inisiatif Berbudi Bersama sepanjang bulan Ramadan

## **The Khazanah Volunteer Network (KVN)**



Bagi tujuan menyokong Berbudi Bersama memperluaskan lagi misinya, KVN membuka peluang kepada kakitangan dan keluarga mereka untuk menjadi sukarelawan dalam bidang kebajikan sosial atau alam sekitar. Rangkaian ini terbuka kepada kakitangan kami dan juga kakitangan syarikat-syarikat berkaitan kami.

Pada tahun 2022, sukarelawan kami melibatkan diri dalam pelbagai usaha kebajikan berkaitan pembangunan komuniti, seni & budaya dan juga perayaan. Ini termasuklah penglibatan seramai 62 sukarelawan dalam penganjuran pameran fizikal mini Galeri Khazanah, yang mana mereka berusaha mengatur program yang merangkumi ceramah artis, aktiviti untuk pelajar dan lawatan berpandu. Sukarelawan lain, juga terlibat mengendalikan majlis berbuka puasa Khazanah yang diadakan di Farm Fresh, UPM untuk kanak-kanak daripada Asrama Anak-Anak Yatim Darul Taqwa serta aktiviti yang dianjurkan oleh Taman Tugu sempena sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia.



► Majlis Iftar di Farm Fresh, UPM Serdang



► Sambutan Hari Raya menyantuni golongan kurang berkemampuan di Taman Tugu



► Hari Alam Sekitar Sedunia di Taman Tugu